



AHMAD FUAD bersama Say Tee (kanan), Mohd Amin dan Frankie (dua dari kiri) mengucapkan Tahun Baru Cina kepada peniaga ketika melawat Petaling Street, semalam.

DBKL atur sesi perjelas projek MRT

KUALA LUMPUR: Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) dan wakil Transit Aliran Massa (MRT) Corp akan mengadakan perjumpaan dengan penduduk di Jalan Sultan Mohd, Jalan Inai, Bukit Bintang dan Taman Tun Dr Ismail selepas Tahun Baru Cina bagi memberi penjelasan terperinci mengenai projek itu.

Datuk Bandar Kuala Lumpur, Tan Sri Ahmad Fuad Ismail, berkata 90 peratus penduduk menyatakan persetujuan bagi projek itu dan perjumpaan ini bagi memberikan penerangan mengenai sistem pengudaraan, disamping memaklumkan ia tidak membabitkan sebarang pengambilalihan tanah.

“Laluan MRT di semua kawasan

ini tidak akan mengganggu kediaman mahupun kegiatan harian penduduk kerana ia terletak jauh di bawah tanah iaitu 30 meter. Kita juga akan berbincang mengenai sistem pengudaraan dan lokasi sesuai bagi menempatkannya. Semua bangunan di situ akan dikekalkan sebagai bangunan warisan.

“DBKL sudah berbincang dengan MRT mengenai perlunya mengekalkan kawasan warisan, termasuk di Jalan Sultan. Semua keputusan dibuat menyebelahi penduduk. Penduduk perlu tahu MRT tidak akan menyebabkan bangunan di situ diruntuhkan, malah stesen dibina juga berdekatan Pasar Seni yang akan menguntungkan peniaga,” katanya selepas melawat Petaling Street ba-

gi mengucapkan Tahun Baru Cina kepada peniaga disamping mengagihkan 300 bendera Wilayah Persekutuan dan limau kepada peniaga serta pelancong.

Hadir sama, Timbalan Ketua Pengarah (Perkhidmatan) DBKL, Datuk Mohd Amin Nordin Abdul Aziz; Timbalan Pengerusi Penjaja dan Peniaga Kecil Kuala Lumpur, Datuk Ang Say Tee dan Setiausaha Barisan Nasional Bukit Bintang, Frankie Gan Joon Zin.

“Berdasarkan maklum balas peniaga dan penduduk, DBKL berhasrat mengekalkan kedudukan pasar lama di bandar raya, tetapi mahu membesarkannya bagi menarik pelancong. Peniaga digalakkan menaik taraf kedai masing-masing,” katanya.